

KERANGKA FIQH BAGI KECERDASAN BUATAN DALAM ISLAM: ANALISIS NARATIF TERHADAP PERSIDANGAN KE-26 MAJMA' AL- FIQH AL-ISLĀMĪ AL-DUWALĪ

A Jurisprudential Framework for Artificial Intelligence in Islam: Narrative Analysis of the 26th Session of the International Islamic Fiqh Academy

Muhamad Faisal Ashaari^{1a*}, Irwan Mohd Subri^{2b}, Hasanah Abd Khafidz^{3a} Jawaher Hamad
Muhammad Al-Marri^{4c}

^aPusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43000, Bangi, MALAYSIA

Emel: faisal@ukm.edu.my¹

Emel: hasanah@ukm.edu.my³

^bFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

Emel: irwan@usim.edu.my²

^cBahagian Latihan dan Pembangunan Profesional, Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam,
Dafna St., Doha, QATAR

Emel: jawaher.1130@gmail.com⁴

*Corresponding Author: faisal@ukm.edu.my

Received: 29 December 2026

Accepted: 8 April 2026

Published: 26 May 2026

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.31no2.805>

Abstrak	Abstract
<p>Keupayaan kecerdasan buatan (AI) meniru fungsi kognitif dan membuat keputusan secara autonomi mencabar asas fiqh Islam yang berteraskan akal, niat dan kehendak bebas sebagai syarat taklif, di samping menimbulkan isu penyerupaan dan pengubahan ciptaan Ilahi. Kebanyakan kajian terdahulu pula lebih bersifat konseptual dan berasaskan pandangan individu, tanpa meneliti wacana ijtihad kolektif dalam forum fiqh antarabangsa yang berautoriti. Kekurangan analisis terhadap perbincangan institusi fiqh global ini mewujudkan jurang dalam memahami arah perkembangan fiqh kontemporari</p>	<p>The capability of artificial intelligence (AI) to emulate cognitive functions and make autonomous decisions challenges the foundations of Islamic jurisprudence, which are grounded in reason, intention, and free will as conditions of legal accountability (taklīf), while also raising issues concerning the imitation and alteration of divine creation. Existing scholarship has predominantly adopted conceptual approaches grounded in individual scholarly perspectives, with limited attention given to the collective deliberations of authoritative international fiqh institutions. The lack of systematic analysis of institutional fiqh discourse has consequently created a</p>

<p>berkaitan AI. Justeru, kajian ini bertujuan menilai respons hukum dan etika Islam terhadap AI melalui sorotan naratif terhadap 33 makalah yang dibentangkan dalam Seminar ke-26 Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali. Analisis dilakukan berasaskan lima kriteria analisis fiqh, iaitu al-ahliyyah (kelayakan undang-undang), al-mas'uliyah (tanggungjawab undang-undang), al-daman (liabiliti dan ganti rugi), al-tashabbuh (penyerupaan terhadap ciptaan Allah) dan taghyir khalqillah (pengubahan ciptaan Allah) bagi menentukan hukum dan menetapkan batas etika penggunaan teknologi AI. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti sarjana menolak pengiktirafan AI sebagai subjek hukum kerana ketiadaan al-ahliyyah, sekali gus mengekalkan manusia sebagai pusat tanggungjawab syarie dan moral. Perbincangan didominasi oleh dimensi hukum, manakala etika hadir secara implisit melalui kerangka maqasid al-shari'ah sebagai mekanisme kawalan nilai. Kajian ini menegaskan bahawa fiqh AI semasa berkembang melalui pengaplikasian instrumen fiqh sedia ada serta memerlukan pengukuhan kerangka yang lebih sistematik bagi membimbing institusi fatwa dan pembuat dasar.</p>	<p>significant gap in understanding the trajectory of contemporary Islamic legal thought on AI. In response to this gap, the present study evaluates Islamic legal and ethical responses to AI through a narrative review of 33 papers presented at the 26th session of the International Islamic Fiqh Academy. The analysis is structured around five principal juristic criteria: al-ahliyyah (legal capacity), al-mas'uliyah (legal responsibility), al-daman (liability and compensation), al-tashabbuh (imitation of divine creation), and taghyir khalqillah (alteration of divine creation). These criteria serve as the analytical framework for assessing prevailing legal positions and delineating ethical boundaries concerning AI. The findings indicate that the majority of scholars reject recognizing AI as a legal subject due to the absence of al-ahliyyah, thereby maintaining human beings as the central locus of Shari'ah and moral responsibility. The discussion is predominantly framed within legal analysis, while ethical considerations appear implicitly through the framework of maqasid al-shari'ah as a value-governance mechanism. The study affirms that contemporary Islamic jurisprudence on AI is developing through the application of established fiqh instruments and highlights the need for a more systematic framework to guide fatwa institutions and policymakers.</p>
<p>Kata kunci: Fiqh Kecerdasan Buatan; Fiqh Kontemporari; Tanggungjawab Syarie; Liabiliti; Maqasid Syariah.</p>	<p>Keywords: Artificial Intelligence Jurisprudence; Contemporary Islamic Jurisprudence; Shari'ah Legal Responsibility and Liability; Maqasid al-Shari'ah.</p>

1. PENGENALAN

Perkembangan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) telah mencetuskan cabaran konseptual terhadap hukum Islam yang secara asasnya berteraskan kepada manusia sebagai subjek taklif. Keupayaan AI untuk meniru proses kognitif dan membuat keputusan secara autonomi menimbulkan banyak persoalan tentang kedudukan sistem tersebut dalam kerangka fiqh. Dalam Islam, kelayakan taklif bergantung kepada kewujudan

akal, *irādah* dan kesedaran moral, yang menjadi asas kepada konsep *al-ahliyyah*, *al-mas'ūliyyah* dan *al-ḍamān*. Selain itu, penggunaan AI juga menimbulkan isu pengubahan serta penyerupaan ciptaan Allah memandangkan aplikasi AI berpotensi mengubah fitrah penciptaan Allah yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam penentuan tanggungjawab hukum. Oleh itu, penggunaannya memerlukan penilaian fiqh yang sistematik bagi memastikan kesesuaiannya dengan prinsip hukum Islam dan maqāṣid al-sharī'ah..

Kajian lalu telah membincangkan AI terutamanya dalam prinsip umum keharusan dan garis panduan syariah dalam penggunaan teknologi AI (Uthman, 2025; Barkani & Boukhalfi, 2024), *al-ahliyyah* (Sitiris & Busari, 2024) dan *al-mas'ūliyyah* (Al-Hajery, 2024), *al-ḍamān* (Abd al-Rahīm, 2022; Yunos et al. 2025), transaksi kewangan Islam (Najib et al., 2025) dan etika Islam (Al-Kubaisi, 2024). Semua kajian ini menunjukkan bahawa fiqh kontemporari sedang berusaha menyesuaikan diri dengan realiti teknologi baharu yang kompleks dan berlapis. Namun, kebanyakan kajian tersebut berfokus kepada aspek tertentu sahaja dalam penggunaan AI. Sungguhpun pendekatan ini signifikan, ia masih belum membentuk satu kerangka analisis fiqh menyeluruh yang boleh menentukan hukum dan menetapkan batas etika dalam penggunaan AI. Lebih mendasar lagi, kebanyakan kajian terdahulu bertitik tolak daripada analisis konseptual dan pandangan individu sarjana, tanpa memberikan perhatian khusus kepada wacana ijtihad kolektif yang dibahaskan dalam forum fiqh antarabangsa yang berautoriti. Dalam fiqh kontemporari, keputusan dan perbincangan institusi fiqh global memainkan peranan penting sebagai medan ijtihad jamā'ī yang menghimpunkan pelbagai latar mazhab, disiplin dan konteks negara. Ketiadaan analisis terhadap perbincangan kolektif ini mewujudkan jurang dalam memahami arah perkembangan pemikiran fiqh semasa berkaitan AI.

Justeru, kajian ini menjalankan sorotan naratif terhadap makalah yang dibentangkan dalam Seminar ke-26 Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī yang berlangsung di Doha, Qatar pada 3-8 Mei 2025. Seminar ini menghimpunkan ulama fiqh kontemporari dari seluruh dunia Islam untuk membincangkan isu-isu semasa, dan kecerdasan buatan telah diangkat sebagai salah satu tema utama. Sebanyak tiga puluh tiga makalah telah dibentangkan yang memberi fokus langsung kepada persoalan hukum, *dawābit* dan etika AI. Bagi menganalisis semua makalah tersebut, kajian ini telah mengenal pasti lima kriteria penilaian hukum dan etika sebagai kerangka analisis terhadap semua makalah, iaitu: kelayakan hukum (*al-ahliyyah*), tanggungjawab syarie (*al-mas'ūliyyah*), liabiliti dan pampasan (*al-ḍamān*), penyerupaan ciptaan Allah (*al-tashabbuh*) dan pengubahan ciptaan Allah (*taghyīr khalqillāh*). Kerangka ini menjadi asas dalam merumuskan hukum dan menetapkan batas etika penggunaan teknologi AI menurut syariah sekali gus menyumbang kepada

pembinaan fiqh AI yang lebih sistematis dan komprehensif.

2. KAJIAN LITERATUR

2.1 Kerangka Konsep Fiqh Kecerdasan Buatan

Kemunculan kecerdasan buatan (AI) yang beroperasi secara separa automatik atau sepenuhnya autonomi telah mencetuskan cabaran baharu terhadap asas fiqh yang berpaksikan manusia sebagai subjek taklif dan pertanggungjawaban syarie. AI bukan lagi sekadar alat teknikal, tetapi berpotensi mempengaruhi proses pembuatan keputusan, interaksi sosial serta struktur tanggungjawab hukum secara lebih kompleks. Perkembangan ini menuntut penyesuaian konseptual dalam pendekatan fiqh bagi menangani realiti teknologi yang semakin canggih dan berlapis. Terdapat pelbagai penulisan yang membincangkan penggunaan kecerdasan buatan (AI) daripada perspektif hukum dan etika (Kosasih et al., 2024; Mahamood et al., 2023; Munshi et al., 2022). Sebahagian penulisan meneliti isu-isu umum berkaitan hukum penggunaan AI dan garis panduan syariaah dalam mengawalinya, seperti yang dibincangkan 'Uthman (2025) dan Barkani, & Boukhalfi (2024), yang menekankan kepentingan *dawābit syar'iyah* dalam penggunaan teknologi ini. Terdapat juga penulisan yang lebih khusus yang menumpukan kepada aspek tertentu dalam kerangka fiqh, seperti persoalan *al-ahliyyah* (Sitiris & Busari, 2024), *al-mas'ūliyyah* (Al-Hajery, 2024), serta dimensi etika dan tadbir urus AI (Abdulrahman & Walusimbi, 2024; Hakim & Azizi, 2023). Walaupun perbincangan ini signifikan, kebanyakannya berfokus kepada aspek tertentu secara terpisah tanpa mengintegrasikan elemen-elemen tersebut dalam satu kerangka analisis fiqh yang menyeluruh. Justeru, masih terdapat keperluan untuk membangunkan satu kerangka analisis yang sistematis bagi menilai cabaran hukum dan etika AI secara menyeluruh.

Bagi memenuhi keperluan tersebut, kajian ini mengusulkan satu pendekatan konseptual yang menstrukturkan perbincangan hukum dan etika AI dalam satu kerangka yang sistematis. Sehubungan itu, fiqh kecerdasan buatan ditakrifkan sebagai suatu bidang fiqh kontemporari yang berperanan dalam menentukan hukum syarak serta mengawal selia tanggungjawab dan liabiliti yang timbul daripada penggunaan teknologi kecerdasan buatan melalui analisis terhadap hakikat, penggunaan dan implikasinya menurut kerangka *uṣūl al-fiqh* dan *maqāṣid al-sharī'ah*. Definisi ini merujuk Fiqh AI sebagai suatu kerangka analisis yang bukan sahaja menilai aspek keharusan atau larangan sesuatu teknologi, tetapi turut menstrukturkan persoalan kelayakan hukum, tanggungjawab serta implikasi perundangan dan etika yang terhasil daripada interaksi manusia dengan sistem AI.

Berdasarkan definisi tersebut, kajian ini mengenal pasti lima kriteria penilaian hukum sebagai landasan analisis yang sistematik bagi menilai cabaran hukum dan etika yang timbul daripada kecerdasan buatan, iaitu *al-ahliyyah* (kelayakan hukum) (Sitiris & Busari 2024), *al-mas'ūliyyah* (tanggungjawab syarie) (Yunos et al. 2024), *al-damān* (liabiliti dan pampasan) (Yunos et al. 2025), *al-tashabbuh* (penyerupaan ciptaan) (Abdelnour, 2025), dan *taghyīr khalqillāh* (pengubahan ciptaan Allah) (Chin et al., 2025). Pemilihan kelima-lima kriteria ini berasaskan keupayaan setiap konsep tersebut untuk saling melengkapi dalam membentuk satu kerangka fiqh yang menyeluruh bagi menganalisis isu-isu hukum dan etika berkaitan kecerdasan buatan. Pemilihan ini berasaskan tiga dimensi, iaitu dimensi asas hukum, dimensi tanggungjawab dan implikasi, serta dimensi nilai dan batas syarak. *Al-ahliyyah* mewakili dimensi asas hukum yang menentukan kedudukan subjek dalam sistem hukum, manakala *al-mas'ūliyyah* dan *al-damān* merangkumi dimensi implikasi yang berkaitan tanggungjawab dan liabiliti terhadap perbuatan atau kesan yang dihasilkan. Seterusnya, *al-tashabbuh* dan *taghyīr khalqillāh* berperanan dalam dimensi nilai dan sempadan syarak, khususnya dalam menilai isu penyerupaan dan pengubahan terhadap ciptaan Allah dalam konteks teknologi AI. Dengan itu, kelima-lima kriteria ini dipilih kerana ia membentuk satu kerangka yang menyeluruh dan berlapis, meliputi persoalan asas “siapa”, “siapa bertanggungjawab”, “apa implikasinya”, serta “apa batas yang dibenarkan”, yang merupakan persoalan teras dalam analisis fiqh terhadap kecerdasan buatan. Oleh itu, pemilihan lima kriteria ini menjadi asas kepada kerangka analisis yang sistematik dan komprehensif.



Rajah 1. Lima Kriteria Analisis Fiqh Kecerdasan Buatan

Rajah di atas menggambarkan lima kriteria yang mendasari fiqh kecerdasan buatan sebagai suatu kerangka analisis yang sistematik. Kelima-lima kriteria ini mengintegrasikan dimensi hukum dan etika dalam menilai fenomena AI. Dari sudut hukum, ia berfungsi menetapkan batas taklif, menentukan

kelayakan hukum, memperincikan bentuk pertanggungjawaban syarie, serta menetapkan kewajipan liabiliti dan pampasan sekiranya berlaku sebarang kemudaratan seperti kerosakan, pelanggaran, manipulasi identiti atau pengubahan terhadap ciptaan Allah. Manakala, dari sudut etika pula, kriteria ini menuntut penelitian terhadap prinsip amanah, keadilan, pemeliharaan maruah, integriti sosial serta implikasi moral dalam pembangunan dan penggunaan sistem AI. Dengan kata lain, analisis bermula dengan menentukan sama ada sistem tersebut memiliki kedudukan *al-ahliyyah*, seterusnya menilai pihak yang memikul *al-mas'ūliyyah* dan *al-ḍamān*, sebelum dinilai dari sudut *al-tashabbuh* dan *taghyīr khalqillāh* bagi menentukan hukum dan batas etika penggunaannya. Dengan ini, fiqh kecerdasan buatan bukan sahaja berperanan sebagai mekanisme penetapan hukum, bahkan turut berfungsi sebagai panduan bagi memastikan teknologi dimanfaatkan secara bertanggungjawab dan selaras dengan maqāṣid al-sharī'ah. Berikut merupakan penjelasan bagi setiap kriteria tersebut.

2.1.1 *al-Ahliyyah*

Konsep *al-ahliyyah* merujuk kepada kelayakan seseorang individu untuk menerima dan melaksanakan hukum syarak (Salqīnī, 1996). *Al-ahliyyah* terbahagi kepada dua, iaitu *ahliyyat al-wujūb*, iaitu kelayakan seseorang untuk memiliki hak dan menanggung kewajipan walaupun belum mampu melaksanakannya secara langsung, dan *ahliyyat al-adā'*, iaitu kelayakan melaksanakan tuntutan hukum secara sah (al-Zuhayli, 2006). Kelayakan ini menuntut kewujudan ciri-ciri asas seperti akal, kehendak bebas (*irādah*) dan kesedaran moral (*shu'ūr*), yang menjadi prasyarat kepada pelaksanaan taklif dalam Islam. Perkembangan kecerdasan buatan (AI) menimbulkan cabaran signifikan terhadap konsep *al-ahliyyah*, khususnya apabila sistem ini mampu meniru sebahagian fungsi kognitif manusia melalui pembelajaran mesin dan algoritma lanjutan. Keupayaan AI melaksanakan pelbagai tugas seperti pengurusan kontrak digital, membuat keputusan jual beli, menyediakan khidmat kewangan, malah menjawab persoalan hukum, menimbulkan persoalan tentang sejauh mana sistem ini boleh dikaitkan dengan konsep kelayakan hukum dalam fiqh. Namun demikian, peniruan fungsi kognitif tersebut tidak semestinya membawa kepada pengiktirafan sebagai subjek hukum, kerana ia tidak memenuhi asas ontologi yang disyaratkan dalam konsep taklif.

Justeru, dari sudut hukum, AI tidak boleh dianggap sebagai mukalaf dan tidak memenuhi syarat *ahliyyah al-adā'* kerana tidak memiliki kesedaran sendiri, *qasd* (niat) dan *riḍā* (kerelaan) yang menjadi asas kepada pertanggungjawaban syarie (Sitiris & Busari, 2024). Hal ini selaras dengan prinsip asas fiqh bahawa taklif hanya disandarkan kepada entiti yang memiliki keupayaan memahami

hukum dan membuat pilihan secara sedar, yang secara asasnya terbatas kepada manusia. Dalam konteks yang sama, AI juga tidak boleh secara autonomi diiktiraf sebagai entiti perundangan (*shakhṣ i 'tibārī*) yang memiliki *ahliyyat al-wujūb* kerana ia tidak mempunyai asas representasi manusia atau struktur tanggungjawab yang membolehkan pemberian hak dan kewajipan secara bebas (Hamsin et al., 2023). Berbeza dengan entiti seperti syarikat atau institusi yang diiktiraf dalam fiqh sebagai *shakhṣ i 'tibārī*, AI kekal sebagai sistem teknikal yang bergantung kepada manusia dalam keseluruhan operasinya.

Dalam aplikasi praktikal, isu ini dapat dilihat melalui penggunaan sistem robo-advisor yang melaksanakan transaksi kewangan secara automatik atau aplikasi kontrak pintar (*smart contract*) yang beroperasi tanpa campur tangan manusia secara langsung. Persoalan timbul sama ada tindakan yang dihasilkan oleh sistem tersebut memenuhi syarat sah akad dari sudut *ahliyyat al-adā'*, sedangkan tiada pihak yang memiliki niat dan kerelaan secara langsung pada saat transaksi dilaksanakan (Hamsin et al., 2023). Begitu juga dalam konteks sistem fatwa automatik yang menjawab persoalan hukum berdasarkan algoritma, timbul persoalan tentang kedudukan AI sebagai pemberi pandangan hukum, sedangkan ia tidak memiliki kelayakan taklif atau autoriti ilmiah yang diiktiraf dalam tradisi fiqh (Al-Momani, 2025). Dari sudut etika, ketiadaan *al-ahliyyah* pada AI menegaskan bahawa tanggungjawab moral tidak boleh dipindahkan kepada sistem tersebut, sebaliknya kekal terletak pada manusia yang mengaturcara, mengendalikan dan menggunakannya. Walau bagaimanapun, cabaran utama terletak pada keupayaan manusia untuk mengekalkan kawalan etika secara konsisten dalam situasi di mana sistem AI beroperasi secara separa autonomi dan berpotensi menghasilkan keputusan yang tidak dijangka atau di luar kawalan langsung penggunaannya. Justeru, dalam kerangka fiqh kecerdasan buatan, konsep *al-ahliyyah* menegaskan bahawa AI kekal sebagai alat (*wasīlah*) dan bukannya subjek hukum, manakala segala implikasi hukum dan etika yang terhasil daripadanya kembali sepenuhnya kepada manusia sebagai mukalaf.

2.1.2 *Al-Mas'ūliyyah*

Konsep *al-mas'ūliyyah* merujuk kepada tanggungjawab seseorang mukalaf terhadap perbuatan, keputusan dan implikasi hukum yang terhasil daripadanya. Konsep ini berakar daripada prinsip taklif yang mensyaratkan kewujudan akal, kehendak bebas (*irādah hurrah*) dan keupayaan membuat pilihan secara sedar, yang menjadi asas kepada penilaian dosa, pahala dan liabiliti hukum (Sūriyyah, 2018; al-Hamyani, 2019). Justeru, *al-mas'ūliyyah* berfungsi menghubungkan antara niat, tindakan dan akibat sebagai teras kepada keadilan dalam hukum Islam. Perkembangan AI kini mencabar kerangka tradisional ini apabila sistem tersebut mampu menghasilkan

keputusan secara separa atau sepenuhnya autonomi melalui pembelajaran mesin dan algoritma lanjutan. Dalam situasi seperti kenderaan autonomi, sistem robo-advisor atau aplikasi keputusan berasaskan AI, timbul persoalan kritikal mengenai siapakah yang memikul tanggungjawab syarie apabila berlaku kesilapan, kemudaratan atau pelanggaran. Hal ini kerana AI tidak memenuhi syarat sebagai subjek taklif disebabkan ketiadaan kesedaran, niat dan kehendak bebas. Oleh itu, tanggungjawab tidak boleh disandarkan kepada sistem tersebut, sebaliknya perlu dikembalikan kepada manusia yang terlibat dalam rangkaian pembangunan dan penggunaan teknologi.

Dalam konteks ini, *al-mas'ūliyyah* merangkumi pihak pembangun (developer), pemilik sistem, pengendali serta pengguna akhir, bergantung kepada tahap kawalan, peranan dan manfaat yang diperoleh (Yunos et al. 2024). Pendekatan ini selari dengan prinsip fiqh yang membezakan antara perbuatan langsung (*mubāsharah*) dan sebab tidak langsung (*tasabbub*) dalam penentuan tanggungjawab. Setiap satunya itu ada perbincangan yang terperinci dalam fiqh sama ada melebihkan perbuatan langsung atau tidak langsung atau kepada kedua-duanya sekali (Al-Burnū, 2003). Dari sudut etika, *al-mas'ūliyyah* menuntut agar pembangunan dan penggunaan AI berteraskan nilai amanah, keadilan dan ihsan. Pengurusan data mesti menjamin pemeliharaan maruah (*ḥifẓ al-ʿird*), manakala reka bentuk algoritma perlu bebas daripada bias yang boleh menjejaskan keadilan sosial. Justeru, konsep ini menegaskan bahawa walaupun AI beroperasi secara autonomi, tanggungjawab syarie dan moral tetap terletak sepenuhnya pada manusia sebagai mukalaf dalam memastikan teknologi tersebut membawa masalah dan menolak mafsadah.

2.1.3 *Al-Damān*

Konsep *al-damān* merujuk kewajipan menanggung kerugian atau kemudaratan yang timbul daripada perbuatan seseorang, sama ada secara sengaja, kecuaiian atau melalui perantaraan alat di bawah kawalannya (al-Tayyar, al-Mutlaq & al-Musa, 2012). Konsep ini berfungsi memulihkan hak yang terjejas, menolak kemudaratan (*ḍarar*) dan menegakkan keadilan melalui penetapan liabiliti serta kewajipan pampasan. Ia berkait rapat dengan kaedah fiqh seperti *al-ḍarar yuzāl* dan penentuan tanggungjawab berdasarkan hubungan sebab-akibat antara tindakan dan kesan yang berlaku. Dalam konteks kecerdasan buatan (AI), aplikasi seperti kenderaan autonomi, sistem diagnosis perubatan digital dan algoritma analisis data berpotensi menimbulkan pelbagai bentuk kerugian, sama ada material seperti kerosakan harta dan kecederaan fizikal, mahupun bukan material seperti pelanggaran privasi dan kehilangan data. Cabaran utama dari sudut fiqh ialah menentukan pihak yang memikul liabiliti apabila sesuatu keputusan dihasilkan oleh sistem AI tanpa campur tangan langsung manusia. Hal ini kerana AI tidak memiliki

kelayakan taklif, sekali gus tidak boleh dipertanggungjawabkan secara langsung.

Sehubungan itu, penentuan *al-damān* perlu kembali kepada manusia melalui analisis tahap keterlibatan dalam rangkaian penggunaan teknologi (Yunos et al. 2025; Abd al-Rahīm, 2022). Dalam fiqh, prinsip *mubāsharah* (sebab langsung) dan *tasabbub* (sebab tidak langsung) digunakan untuk menilai hubungan antara tindakan manusia dan kemudaratan yang berlaku. Namun, dalam sistem AI yang beroperasi secara autonomi, garis pemisah antara kedua-duanya menjadi semakin kabur, sekali gus menuntut pendekatan fiqh yang lebih dinamik, termasuk penilaian berdasarkan tahap kawalan (*control*), jangkaan risiko (*foreseeability*) dan manfaat yang diperoleh oleh pihak terlibat. Dari sudut etika, *al-damān* tidak terhad kepada pampasan material semata-mata, tetapi turut melibatkan pemulihan nilai dan keadilan sosial. Kerugian seperti pencemaran maruah (*hatk al-ird*), diskriminasi algoritma dan pelanggaran privasi menimbulkan persoalan tentang kecukupan pampasan kewangan dalam menebus kemudaratan tersebut. Justeru, dalam kerangka fiqh kecerdasan buatan, *al-damān* berfungsi sebagai mekanisme hukum dan etika yang memastikan setiap inovasi digital tertakluk kepada prinsip keadilan, menolak kezaliman dan memelihara maqāsid al-sharī'ah.

2.1.4 *Al-tashabbuh*

Konsep *al-tashabbuh* merujuk perbuatan menyerupai atau mengambil ciri sesuatu yang bukan miliknya secara hakiki, khususnya apabila penyerupaan tersebut memberi implikasi terhadap identiti, fungsi dan nilai kemanusiaan. Dalam konteks kecerdasan buatan, penyerupaan ini tidak terhad kepada bentuk fizikal semata-mata, tetapi merangkumi beberapa dimensi utama, iaitu penyerupaan bentuk dan identiti seperti *deepfake* wajah dan *avatar* manusia, serta penyerupaan suara dan tingkah laku melalui teknologi *voice cloning* dan sintesis audiovisual berasaskan AI. Perkembangan ini berupaya mengaburkan sempadan antara realiti sebenar dan gambaran yang dihasilkan secara buatan oleh sistem digital (Guo & Wang, 2025). Kepelbagaian bentuk ini menunjukkan bahawa *al-tashabbuh* dalam AI bukan sekadar isu teknikal, tetapi melibatkan hakikat manusia dan perbezaan antara perkara sebenar dengan gambaran yang dihasilkan secara buatan (Abdelnour, 2025). Islam menolak bentuk penyerupaan atau peniruan yang melampaui batas sehingga mengaburkan identiti, mencetuskan kekeliruan atau menimbulkan unsur penipuan.

Dalam Islam, penyerupaan dibenarkan sekiranya ia berfungsi sebagai alat (*wasīlah*) yang tidak menjejaskan keaslian identiti atau mengelirukan realiti. Namun, apabila penyerupaan tersebut membawa kepada penggantian identiti,

manipulasi maklumat atau pengaburan kebenaran, maka ia dianggap bercanggah dengan prinsip syarak. Seiring dengan perkembangan AI yang mampu meniru perilaku dan fungsi manusia secara semakin kompleks, garis pemisah antara penyerupaan yang diharuskan dan yang dilarang menjadi semakin halus dan memerlukan penilaian fiqh yang lebih teliti (Elmahjub, 2023; Nawi et al. 2023). Dari sudut etika, *al-tashabbuh* tidak terhad kepada persoalan halal dan haram semata-mata, tetapi berkait rapat dengan pemeliharaan nilai asas seperti kebenaran (*ṣidq*), maruah (*hifz al-‘ird*) dan keadilan sosial. Teknologi yang meniru manusia secara ekstrem berpotensi mencetuskan penipuan identiti, pencemaran reputasi dan manipulasi realiti, sekali gus meruntuhkan kepercayaan terhadap individu, institusi dan autoriti agama. Oleh itu, penilaian terhadap *al-tashabbuh* dalam konteks AI perlu dilakukan secara berlapis dengan mengambil kira tahap penyerupaan, tujuan penggunaan serta implikasi sosial dan moral yang terhasil.

2.1.5 *Taghyr Khalqillah*

Konsep *taghyr khalqillah* dalam fiqh Islam merujuk sebarang bentuk pengubahan terhadap ciptaan Allah SWT yang menyentuh aspek bentuk, fungsi atau tujuan asal kejadian manusia dan alam. Dalam konteks perkembangan AI, konsep *taghyr khalqillah* perlu diperluas kepada bentuk perubahan yang tidak semestinya bersifat fizikal, tetapi memberi kesan terhadap fitrah, pemikiran dan identiti manusia. Pengubahan ciptaan Allah dalam konteks kontemporari tidak lagi hanya difahami dalam dimensi biologi seperti pembedahan kosmetik atau implantasi bioteknologi, tetapi boleh merujuk kepada bentuk manipulasi yang memberi kesan terhadap struktur pemikiran dan persepsi manusia, walaupun tanpa mengubah bentuk fizikal ciptaan tersebut. Contohnya, sistem algoritma membentuk identiti digital dan hubungan sosial melalui proses yang disebut sebagai *the algorithmic self*, iaitu keadaan di mana pembentukan identiti dan kesedaran diri dipengaruhi secara berterusan oleh maklum balas sistem AI (Joseph, 2025). Bentuk-bentuk ini tidak mengubah struktur jasmani manusia, tetapi berpotensi mempengaruhi cara manusia berfikir, memahami kebenaran dan membina identiti sosialnya. Keadaan ini menimbulkan persoalan hukum tentang sejauh mana perubahan tersebut boleh diterima sebagai inovasi yang membawa maṣlahah, atau sebaliknya dianggap melampaui batas fitrah yang ditetapkan oleh syarak.

Dalam Islam, mengubah ciptaan Allah dilarang berdasarkan kepada larangan Rasulullah terhadap membuat tatu, mencukur alis dan merenggangkan gigi untuk kecantikan (al-Bukhari, no. 5931; Muslim, no. 2125). Larangan ini menunjukkan bahawa perubahan yang dilakukan semata-mata untuk tujuan kosmetik dan tanpa keperluan perubatan termasuk dalam kategori pengubahan ciptaan Allah yang ditegah. Ini kerana perbuatan tersebut

dianggap menyalahi fitrah asal kejadian manusia dan mencerminkan sikap tidak reda terhadap ciptaan Allah SWT. Pengubahan yang dibenarkan ialah yang bersifat *iṣlāḥ* (pemulihan) dan membawa manfaat untuk rawatan, pendidikan atau peningkatan kualiti hidup. Sebaliknya, perubahan yang membawa kepada *ifsād* (kerusakan), penipuan atau pengaburan kebenaran adalah bertentangan dengan prinsip syarak walaupun tidak melibatkan perubahan fizikal secara langsung. Oleh itu, ukuran dalam menilai *taghyīr khalqillāh* tidak hanya terhad kepada bentuk perubahan, tetapi juga tujuan (*maqṣad*), kesan (*ma'ālāt*) dan implikasi terhadap nilai asas seperti *ḥifz al-'aql*, (Chin et al., 2025), dan *ḥifz al-'ird* dan *ḥifz al-dīn* yang menjadi kerangka umum syariah. Dari sudut etika Islam, inovasi teknologi perlu dinilai dalam kerangka maqāṣid al-sharī'ah, khususnya dalam menjaga pemeliharaan akal (*ḥifz al-'aql*) dan pertimbangan implikasi jangka panjang (*murā'āt al-ma'ālāt*) (Chin et al., 2025). Justeru, dalam kerangka fiqh AI, *taghyīr khalqillāh* berfungsi sebagai prinsip kawalan yang memastikan teknologi tidak digunakan untuk mengubah realiti secara menyesatkan, merosakkan identiti atau melemahkan nilai tauhid. Dengan demikian, AI harus kekal sebagai alat yang menyokong kemaslahatan manusia, bukan medium yang mencairkan batas antara hakikat dan ilusi.

Ringkasnya, perbincangan di atas menunjukkan bahawa perkembangan AI telah membuka ruang cabaran baharu yang belum diperincikan secara khusus dalam disiplin fiqh. Justeru, kerangka fiqh AI yang diusulkan tidak boleh bergantung kepada penentuan hukum semata-mata, tetapi perlu mengintegrasikan dimensi etika sebagai pelengkap dalam memastikan penilaian yang lebih menyeluruh. Hukum menetapkan batas keharusan dan larangan menurut Syarak, manakala etika memperhalus pertimbangan penggunaan agar teknologi tersebut benar-benar membawa maṣlaḥah dan menolak mafsadah, selaras dengan prinsip maqāṣid al-sharī'ah. Dalam konteks ini, lima kriteria analisis yang dibangunkan berfungsi sebagai instrumen penilaian yang menghubungkan dimensi hukum dan etika secara bersepadu.

3. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk sorotan naratif (narrative review) bagi meneliti, menghimpun dan mensintesis pandangan ilmuwan berhubung konsep asas fiqh Islam dalam menanggapi isu kecerdasan buatan (AI). Pendekatan ini membolehkan analisis deskriptif dan sintesis konseptual dijalankan secara mendalam tanpa terikat dengan protokol ketat sebagaimana *systematic review* (Ferrari, 2015). Kaedah ini juga memberi ruang untuk menilai kepelbagaian pandangan ilmuwan kontemporari daripada pelbagai latar belakang negara dalam membentuk kerangka fiqh digital. Literatur dikumpulkan dari tiga puluh tiga (33) makalah yang dibentangkan dalam

Seminar ke-26 Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwalī di Doha, Qatar pada tahun 2025. Salah satu tema yang diminta untuk para ilmuwan mengulasnya ialah *"al-Dhakā' al-Istinā'i Ahkāmuhu Wa Dawābituhu Wa Akhlāqiyātuhu"* (AI Dari Perspektif Hukum, Prinsip Dan Etika). Mereka diberi kebebasan untuk menghuraikan isu AI mengikut perspektif masing-masing meliputi pelbagai isu fiqh dan etika Islam di bawah tajuk ini. Justeru, himpunan makalah ini menjadi sumber primer yang kaya untuk menilai wacana fiqh semasa berkaitan teknologi AI. Para penulis mewakili 20 negara daripada 4 benua: Asia (9), Afrika (8), Eropah (2), dan Amerika Utara (1). Mereka terdiri daripada tokoh fiqh, mufti, serta ahli akademik ternama yang berautoriti dalam bidang hukum Islam kontemporari.

Pendekatan sorotan naratif ini membolehkan pelbagai pandangan dihimpunkan secara sistematik dan disintesis ke dalam lima konsep asas fiqh digital. Ia menawarkan gambaran menyeluruh tentang hukum dan etika Islam dalam konteks teknologi AI, serta memberi implikasi praktikal kepada fuqaha, institusi fatwa dan penggubal dasar. Dengan menggabungkan pandangan klasik dan kontemporari, pendekatan ini menjelaskan kekaburan sedia ada dan membuka ruang penyelidikan empirikal masa hadapan (Greenhalgh et al., 2018). Pendekatan ini membolehkan dapatan bukan sahaja menyoroti kepelbagaian pandangan ilmuwan, tetapi juga menghubungkannya dengan realiti kontemporari perkembangan AI yang semakin kompleks. Jadual 1 berikut menjelaskan senarai semua penulis dan negara:

Jadual 1: Senarai Nama Penulis dan Negara

No	Nama Penulis	Negara
1.	Prof. Dr. Shauqi Ibrahim 'Allam	Egypt
2.	Dr. Ḥamdati Shabīhnā Mā' al-'Aynayn	Maghribi
3.	Prof. Dr. 'Abd Allah Mabruk al-Najjar	Egypt
4.	Dr. Ahmad bin 'Abd al-'Azīz al-Haddād	UAE
5.	Dr. Mahmūd Sidqi 'Abd al-Raḥmān al-Habbāsh	Palestine
6.	Prof. Dr. Sa'd bin Turki al-Khathlān	Saudi Arabia
7.	Syeikh al-Ḥasan 'Umar al-Fārūq Jārā	Benin
8.	Prof. Dr. Sulaimān bin Qasim al-Ayd	Saudi
9.	Syeikh Dr. Muḥammad Nūḥ al-Quḍāh	Jordan
10.	Dr. Ḥasan Taysīr 'Abd al-Raḥīm Shamut	Jordan
11.	Dr. Fāyid Muḥammad Sa'īd	UK
12.	Dr. Muḥammad 'Alī Isa Ḥumaydah	Shad
13.	Dr. 'Abd al-Sattār 'Abd al-Karīm al-Khuwaylidī	Tunisia
14.	Dr. Samar bint Ḥammūda al-Sa'fī	Tunisia
15.	Qism Allāh 'Abd al-Ghaffār Qism Allāh Aḥmad	Sudan
16.	Dr. 'Abd Allah 'Awaḍ Muḥammad al-Rashīdī	Kuwait
17.	Syeikh Dr. al-Sayyid al-Syaḥḥāt Ramaḍān Jum'ah	Egypt
18.	Dr. Farḥānah binti 'Alī Muḥammad Shuwaitah	Egypt

19.	Prof. Dr. Irwan Mohd Subri	Malaysia
20.	Dr. Badr al-Ḥasan al-Qāsimī	India
21.	Dr. Muḥammad ‘Abdullah Bāh	Guinea
22.	Dr. ‘Abd al-Ḥaqq Bilāl Mubārak al-Kawwānī	German
23.	Syeikh Mufti Muḥammad Zubayr	Pakistan
24.	Dr. Zayd Jamāl al-Barzanjī	USA
25.	Prof. Dr. Muḥammad Akram Lāl al-Dīn	Malaysia
26.	Dr. Abkar Walar Mādu	Chad
27.	Dr. Bushra Aḥmad al-Jasmī	UAE
28.	Prof. Dr. ‘Umayr Maḥmud al-Ṣiddīqī	Pakistan
29.	Dr. ‘Ādil ‘Awaḍ Bābakr Aḥmad	Sudan
30.	Prof. Dr. al-Khaḍīr Abd al-Bāqī Muḥammad	Nigeria
31.	Mufti Syeikh Nūr al-Dīn Khāliq Naẓar	Uzbekistan
32.	Prof. Dr. Ahmad Hilāl ‘Abd al-Raḥmān al-Syeikh	Saudi Arabia
33.	Prof. Dr. Aḥmad ‘Abd al-‘Alīm Abū ‘Aliyū	Egypt

4. HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis kandungan terhadap 33 makalah menunjukkan bahawa perbincangan para pembentang dapat dikelompokkan kepada lima kriteria utama fiqh AI yang membentuk kerangka penilaian hukum dan etika Islam, iaitu *al-ahliyyah*, *al-mas’ūliyyah*, *al-ḍamān*, *al-tashabbuh* dan *taghyīr khalqillāh*. Pengelompokan ini dibuat berdasarkan fokus perbincangan dalam setiap makalah, dan sesebuah makalah boleh dianalisis di bawah lebih daripada satu kriteria sekiranya perbincangannya merentasi dimensi yang berbeza. Jadual 2 menunjukkan taburan makalah mengikut lima kriteria tersebut sebelum dihuraikan secara terperinci dalam perbincangan berikut.

Jadual 2: Pengelompokan Makalah Mengikut Lima Kriteria Fiqh AI

Bil	Konsep	No. Makalah
1.	<i>Al-Ahliyyah</i>	No. 1, No. 11, No. 14, No. 15, No. 16, No. 25, No. 30, No. 33
2.	<i>Al-Mas’ūliyyah</i>	No. 9, No. 11, No. 15, No. 17, No. 20, No. 24
3.	<i>Al-Ḍamān</i>	No. 1, No. 4, No. 6, No. 7, No. 20, No. 26, No. 32
4.	<i>Tashabbuh</i>	No. 8, No. 10, No. 12, No. 14, No. 21, No. 23, No. 25
5.	<i>Taghyīr Khalqillāh</i>	No. 2, No. 20

4.1 Analisis Makalah berkaitan *al-Ahliyyah*

Analisis kandungan terhadap 33 makalah menunjukkan bahawa lapan makalah memberi tumpuan utama kepada isu *al-ahliyyah* dalam konteks AI.

Kesemua penulis bersepakat bahawa AI tidak layak dianggap sebagai mukalaf kerana ketiadaan ciri asas *al-ahliyyah*, khususnya akal sempurna, kehendak bebas dan kesedaran moral. Ketiadaan unsur-unsur ini menyebabkan AI tidak memiliki *dhimmah shar'iyah* serta gagal memenuhi kedua-dua *ahliyyat al-wujūb* dan *ahliyyat al-adā'*. Oleh itu, AI tidak sah dari sudut hukum untuk melaksanakan akad, ibadah atau sebarang perbuatan yang menuntut kelayakan syarie. AI hanya berfungsi sebagai alat (*wasīlah*) yang dikawal manusia, dan sebarang implikasi hukum akibat penggunaannya kekal menjadi tanggungjawab manusia. Ringkasan pandangan penulis dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Ringkasan Makalah berkaitan *al-ahliyyah*

No.	No. Makalah	Penjelasan	Cadangan
1.	1	Menolak AI memiliki <i>al-ahliyyah</i> dan tidak membuka ruang ijihad. (Sangat tegas)	Piawaian etika AI dan fatwa kontemporari.
2.	11	Pendekatan literal terhadap taklif dan menolak AI memiliki <i>al-ahliyyah</i> ; fokus pada kekurangan AI. (Tegas)	Kembangkan fiqh berdasarkan maqasid.
3.	14	Terbuka terhadap penggunaan AI secara terbatas; potensi pengiktirafan fungsi AI. (Agak terbuka)	Gunakan AI dalam batas syarak dan maslahat.
4.	15	Menekankan AI hanyalah alat dan tiada ruang kemungkinan hukum baharu. (Tegas)	Pengawasan pengguna dan penggubal teknologi.
5.	16	Menggunakan pendekatan maqasid; akui tanggungjawab moral manusia. (Sederhana)	Maqasid dan etika Islam sebagai asas.
6.	25	Mengemukakan tiga pilihan status AI; cadang ijihad dan kerangka baharu. (Terbuka)	Tanggungjawab berlapis (<i>al-mas'uliyat al-mutabadilah</i>).
7.	33	Menyarankan garis panduan kawalan, tidak meletakkan AI sebagai subjek taklif yang berdiri sendiri. (Sederhana)	Garis panduan etika Islam untuk kawalan.
8.	30	Menggunakan konsep <i>musabbib</i> ; tidak membuka kemungkinan AI diiktiraf sebagai entiti hukum. (Tegas)	Prinsip <i>musabbib</i> dan <i>mubashir</i> dalam fiqh.

Jadual di atas menunjukkan bahawa hampir semua makalah mengambil pendirian menolak pengiktirafan AI sebagai entiti yang memiliki *al-ahliyyah*. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa makalah yang memperlihatkan

pendekatan lebih fleksibel dengan membuka ruang perbincangan terhadap kemungkinan pengiktirafan terhad dalam konteks tertentu. Sebagai contoh, makalah No. 25, mengemukakan tiga kemungkinan status hukum AI, iaitu: (i) AI tidak memiliki *al-ahliyyah* secara mutlak, (ii) AI memiliki *ahliyyat al-wujūb* secara terbatas, dan (iii) AI berpotensi mencapai *ahliyyat al-adā'* dalam konteks tertentu. Pendekatan ini mencadangkan keperluan ijihad kontemporari yang melibatkan kolaborasi antara pakar fiqh, teknologi dan undang-undang. Penulis turut mengemukakan konsep *al-mas'uliyat al-mutabādilah* (tanggungjawab berlapis) sebagai mekanisme pengagihan pertanggungjawaban secara kolektif dan bertingkat terhadap kesan AI yang beroperasi tanpa niat atau kesedaran. Dalam konteks ini, AI mungkin diiktiraf fungsinya dalam urusan muamalat seperti pengurusan harta atau pelaksanaan akad automatik, namun tetap tidak diiktiraf dalam perkara yang menuntut niat dan kesedaran moral. Tanggungjawab syarie kekal diletakkan pada pihak manusia yang terlibat, termasuk pencipta, pemilik, pengguna dan pembangun algoritma. Ia menyerupai model *strict liability* atau *shared accountability* dalam falsafah undang-undang moden, tetapi perlu disesuaikan dengan fiqh Islam.

Sebaliknya, makalah No. 30 menegaskan pemisahan yang jelas antara pelaku langsung (*mubāshir*) dan penyebab (*musabbib*). AI dianggap sebagai penyebab teknikal semata-mata, manakala manusia kekal sebagai subjek yang memikul tanggungjawab moral dan syarie. Pendekatan ini mengekalkan hukum asal tanpa membuka ruang pengiktirafan AI sebagai entiti hukum yang berdikari.

Selain itu, kebanyakan makalah yang dianalisis menggunakan istilah "AI" secara umum tanpa membezakan antara dua bentuk utama iaitu *Artificial Narrow Intelligence* (ANI) dan *Artificial General Intelligence* (AGI). ANI merujuk kepada sistem yang terbatas kepada tugas khusus berasaskan algoritma tetap, seperti pengesanan wajah, pengurusan e-mel spam atau chatbot asas. Dalam konteks ini, penolakan AI sebagai mukalaf adalah wajar kerana ANI berfungsi semata-mata sebagai alat automatik tanpa kehendak bebas, kesedaran diri, atau kapasiti moral. Sebaliknya, AGI merujuk kepada bentuk AI yang lebih canggih, berupaya meniru proses kognitif manusia, membuat keputusan sendiri, serta belajar secara berterusan sehingga berpotensi menampilkan ciri-ciri seperti pemikiran kritis, kesedaran moral, bahkan kesedaran sendiri (*machine consciousness*). Walaupun begitu, AGI tetap berada dalam kerangka ciptaan manusia dan tidak memiliki *rūḥ* atau *taklīf syar'ī*, sekali gus menafikan kelayakan hukum sebagai mukalaf. Justeru, perbincangan tentang AGI masih bersifat falsafah dan andaian masa depan, bukan realiti hukum semasa. Kekurangan utama dalam banyak makalah ialah kegagalan membezakan ANI dan AGI, sedangkan perbezaan ini penting untuk menilai cabaran hukum dan etika yang mungkin timbul pada masa hadapan.

Dari perspektif etika, ketiadaan *al-ahliyyah* pada AI tidak bermakna manusia boleh melepaskan tanggungjawab moral kepada mesin. Analisis menunjukkan bahawa kebanyakan penulis menegaskan bahawa beban pertanggungjawaban kekal terletak pada pembangun dan pengguna sistem AI. Pembangun dilihat perlu memastikan reka bentuk dan proses latihan sistem tidak menghasilkan penyelewengan maklumat agama atau hukum, manakala pengguna pula digambarkan sebagai pihak yang perlu mengendalikan AI secara adil serta mengelakkan eksploitasi untuk tujuan penipuan atau kemudaratan. Dengan demikian, meskipun AI tidak memiliki *al-ahliyyah*, dapatan ini menunjukkan bahawa dimensi etika dalam fiqh AI tetap meletakkan tanggungjawab moral dan adab syarie pada manusia dalam setiap interaksi dengan teknologi tersebut.

Secara keseluruhannya, majoriti penulis berpandangan bahawa AI tidak memiliki *al-ahliyyah* dan tidak layak dianggap sebagai mukalaf kerana ketiadaan akal, kemahuan dan kesedaran moral. Dapatan ini konsisten dengan kerangka teori *al-ahliyyah* yang telah dihuraikan sebelum ini, khususnya berhubung asas kelayakan taklif dalam hukum Islam. Walau bagaimanapun, wujud pandangan minoriti yang lebih terbuka dengan mempertimbangkan kemungkinan tertentu pada masa hadapan, khususnya dalam konteks perkembangan AGI. Perbezaan ini menunjukkan bahawa meskipun penolakan terhadap *al-ahliyyah* AI masih dominan, wacana fiqh kontemporari tidak bersifat statik, sebaliknya mula meneroka ruang perbincangan yang lebih mendalam yang mungkin timbul daripada evolusi teknologi yang lebih canggih.

4.2 Analisis Makalah berkaitan *al-Mas'ūliyyah*

Analisis kandungan menunjukkan bahawa enam daripada 33 makalah memberi tumpuan khusus kepada isu *al-mas'ūliyyah* dalam konteks AI. Perbincangan tersebut boleh dihipunkan kepada dua sudut utama iaitu hukum dan etika seperti dalam jadual 4 di bawah.

Jadual 4. Ringkasan Makalah Berkaitan *al-mas'ūliyyah*

Bil	No. Makalah	Aspek Hukum	Aspek Etika
1.	9	Tanggungjawab syarie dan jenayah pada mufti dan institusi fatwa; AI bukan subjek hukum	Amanah ilmu dan kejujuran fatwa untuk mengelakkan penyesatan umat (Implisit).
2.	11	Liabiliti pada doktor dan institusi; tiada tanggungjawab jika tiada kecuaiian	Ihsan, berhati-hati dan perlindungan nyawa pesakit (Implisit).
3.	15	Fatwa AI tidak sah tanpa	Adab <i>iftā'</i> dan integriti autoriti

		pengawasan manusia	agama (Implisit).
4.	17	Tanggungjawab hukum pada pendakwah dan institusi agama	Tanggungjawab sosial dan kawalan kesan maklumat terhadap masyarakat (Implisit).
5.	20	Liabiliti pada pengeluar, pemilik atau pengguna; cadangan entiti undang-undang AI	Keadilan sosial dan perlindungan mangsa dinyatakan secara lebih jelas (Separa eksplisit).
6.	24	Akauntabiliti institusi kewangan dan tadbir urus syariah	Integriti, ketelusan dan CSR berasaskan maqāṣid al-sharī'ah (Eksplisit).

Berdasarkan Jadual 4, dapat ditegaskan bahawa keenam-enam makalah yang dianalisis membentuk satu kerangka perbincangan yang konsisten dalam menangani isu *al-mas'ūliyyah* berkaitan kecerdasan buatan (AI), meskipun berbeza dari segi konteks aplikasi dan penekanan disiplin. Kesemua makalah secara kolektif menolak sebarang bentuk pemindahan tanggungjawab syarie dan moral daripada manusia kepada sistem teknologi, sekali gus mengekalkan asas epistemologi fiqh Islam yang berteraskan konsep taklif. Dari sudut hukum, makalah No. 9, 11, 15 dan 17 secara konsisten menegaskan bahawa kecerdasan buatan (AI) tidak boleh dianggap sebagai subjek hukum (mukalaf) kerana ketiadaan elemen asas taklif, iaitu akal, niat dan kesedaran. Ketidadaan unsur-unsur ini membawa implikasi bahawa AI tidak memiliki elemen taklif yang membolehkannya memikul tanggungjawab syarie secara berdikari. Oleh itu, dalam kes kesilapan fatwa (No. 9 dan 15), kesilapan diagnosis atau pembedahan (No. 11), serta penyebaran maklumat agama melalui medium digital (No. 17), tanggungjawab hukum secara tegas dikembalikan kepada manusia dan institusi yang memberikan autoriti, mengendalikan, atau mengesahkan penggunaan teknologi tersebut.

Pendekatan ini menunjukkan bahawa fiqh Islam mengekalkan garis pemisah yang tegas antara alat (*wasāṭah*) dan agen moral, sekali gus menutup ruang pengiktirafan AI sebagai entiti hukum autonomi. Malah, makalah No. 9 mengukuhkan hujah ini melalui penerapan kaedah fiqh *al-darar yuzāl*, yang menegaskan bahawa sebarang kemudaratan yang terhasil daripada penggunaan AI wajib dipertanggungjawabkan kepada pihak yang memperoleh manfaat dan kawalan ke atas teknologi tersebut. Prinsip ini diperkukuh lagi melalui kaedah *al-tafriq bayna al-musabbib wa al-mubāshir*, yang menjelaskan bahawa AI hanya berfungsi sebagai penyebab teknikal (*musabbib*), manakala manusia kekal sebagai pelaku langsung (*mubāshir*) dari sudut hukum. Dalam konteks institusi pula, makalah No. 20 dan 24 memperluas perbincangan hukum kepada dimensi tadbir urus, kontrak dan kawal selia,

khususnya dalam sektor kewangan Islam. Walaupun makalah No. 20 mengemukakan cadangan berkaitan pemberian *shakhsiiyyah i 'tibāriyyah* kepada AI, cadangan ini dikemukakan secara berhati-hati dan tidak menggugat prinsip asas bahawa tanggungjawab syarie tetap memerlukan subjek manusia atau institusi yang jelas. Hal ini memperlihatkan sikap fiqh kontemporari yang terbuka kepada pandangan fiqh baharu.

Dari sudut etika, keenam-enam makalah tidak membangunkan teori etika secara eksplisit. Namun analisis kandungan menunjukkan bahawa kesemuanya menegaskan *mas'ūliyyah akhlāqiiyyah* manusia sebagai pencipta, pengguna dan pengawal teknologi kecerdasan buatan. Pengelasan tahap perbincangan etika kepada kategori implisit, separa eksplisit dan eksplisit dibuat berdasarkan sejauh mana konsep tanggungjawab moral diuraikan secara langsung dalam teks serta penggunaan istilah berkaitan amanah, akauntabiliti dan kewajipan syarie. Walaupun fokus utama tertumpu kepada dimensi hukum dan liabiliti syarie, pertimbangan etika terserlah melalui penegasan terhadap kewajipan manusia mengawal risiko dan kesan penggunaan AI. Makalah No. 11 dan 15, misalnya, menegaskan bahawa kemajuan teknologi tidak menggugurkan amanah profesional doktor dan mufti dalam menjaga nyawa serta kebenaran agama, dengan prinsip *lā ḍarar wa lā dirār* berfungsi sebagai panduan yang menuntut sikap *iḥtiyāt* dan ihsan. Makalah No. 17 pula mengembangkan dimensi ini dalam konteks dakwah digital dengan menekankan tanggungjawab institusi agama dalam mengawal kandungan serta mencegah penyesatan maklumat.

Secara keseluruhannya, sungguhpun perbincangan keenam-enam makalah lebih dominan dari sudut hukum, dimensi etika tetap hadir secara implisit dalam analisis mereka. Dapatan ini mengukuhkan dimensi implikasi dalam kerangka fiqh AI yang dibina sebelum ini, khususnya dalam menjawab persoalan “siapa memikul tanggungjawab” dalam interaksi manusia-teknologi. Kesemua makalah memperlihatkan kesepakatan bahawa *al-mas'ūliyyah* dalam konteks kecerdasan buatan kekal berpaksikan prinsip taklif manusia, manakala AI diklasifikasikan sebagai wasīlah yang tertakluk kepada kawalan dan pertanggungjawaban syarie.

4.3 Analisis Makalah berkaitan al-Ḍaman

Analisis kandungan terhadap 33 makalah menunjukkan bahawa tujuh makalah memberi tumpuan utama kepada isu *al-ḍamān* dalam konteks AI. Ringkasan dapatan utama bagi ketujuh-tujuh makalah tersebut dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 5. Ringkasan Makalah berkaitan *al-Ḍaman*

Bil	No. Makalah	Aspek Hukum	Aspek Etika
1.	1	<i>al-Ḍaman</i> berdasarkan <i>al-mubāsharah</i> dan <i>al-tasabbub</i> ; pengguna bertanggungjawab atas kecuaiannya, pengilang jika kecacatan sistem.	Keadilan dan perlindungan hak manusia tersirat (Implisit)
2.	4	<i>al-Ḍaman</i> ke atas pemilik/pengendali melalui <i>qiyās dābbah</i> ; AI sebagai alat di bawah kawalan manusia.	Akauntabiliti moral pemilik/pengendali (Implisit)
3.	6	<i>al-Ḍaman</i> ditentukan oleh punca: kecacatan teknikal → pengilang; kecuaiannya → pemilik/pengendali.	Keadilan distributif dan tanggungjawab profesional (Implisit)
4.	7	<i>al-Ḍaman</i> berasaskan <i>al-yad</i> , <i>al-mubāsharah</i> , <i>al-tasabbub</i> , <i>al-shart</i> ; liabiliti dibezakan mengikut pihak terlibat.	Perlindungan hak mangsa dan kawalan penggunaan (Implisit)
5.	20	<i>al-Ḍaman</i> ke atas pengilang/pengguna; cadangan shakhsiyyah i tibāriyyah AI dibincang secara teori.	Keadilan sosial dan perlindungan mangsa (Separa Eksplisit)
6.	26	Pengguna (cth. doktor) bertanggungjawab jika cuai/jahil; pengilang jika kecacatan alat.	Amanah profesional dan tanggungjawab moral (Eksplisit)
7.	32	Liabiliti berdasarkan kadar kawalan dan niat; <i>mubāsharah</i> vs <i>tasabbub</i> sebagai asas fiqh digital.	Maqāṣid al-sharī'ah: maruah, keadilan, anti-kezaliman (Eksplisit)

Berdasarkan Jadual 5, dapat dirumuskan bahawa perbincangan *al-ḍamān* dalam tujuh makalah yang dianalisis memperlihatkan pola pandangan yang seragam dalam menangani isu liabiliti dan tanggungjawab ganti rugi akibat penggunaan kecerdasan buatan (AI). Semua makalah bersepakat bahawa sebarang kemudaratan akibat penggunaan AI tidak boleh dibiarkan tanpa mekanisme pertanggungjawaban syarie. Prinsip asas ialah manusia kekal sebagai pihak yang menanggung tanggungjawab ganti rugi berdasarkan tahap penguasaan, kawalan dan keterlibatan dalam penggunaan teknologi tersebut.

Dari sudut hukum, makalah No. 1, 4, 6, 7, 20 dan 32 secara konsisten mengaplikasikan prinsip *al-ḍamān* khususnya konsep *al-yad* (penguasaan), *al-mubāsharah* (tindakan langsung), *al-tasabbub* (sebab tidak langsung) dan *al-shart* (syarat kontrak). Hal ini menunjukkan bahawa *al-ḍamān* dalam konteks AI tidak memerlukan teori baharu, sebaliknya menggunakan semula instrumen sedia ada dalam konteks AI. Dalam konteks ini, tanggungjawab ganti rugi ditentukan berdasarkan hubungan sebab-akibat antara perbuatan manusia dan kemudaratan yang berlaku. Makalah No. 4 dan 7, misalnya, menggunakan *al-qiyās* dengan hukum binatang tunggangan, bagi menegaskan bahawa pemilik atau pengendali sistem AI wajib menanggung *al-ḍamān* sekiranya berlaku

kerusakan, sebagaimana penunggang bertanggungjawab terhadap kemudaratan yang dilakukan oleh haiwan di bawah kawalannya. Pendekatan ini mengekalkan prinsip bahawa alat tidak menanggung liabiliti, sebaliknya pihak yang menguasai dan menggerakkannya.

Makalah No. 6, 20 dan 32 pula memperincikan perbahasan dengan membezakan antara kerusakan yang berpunca daripada kecacatan teknikal sistem dan kerusakan akibat kecuaiannya pengguna. Jika kemudaratan berpunca daripada kelemahan algoritma, reka bentuk atau sistem keselamatan, maka *al-damān* ditanggung oleh pembangun atau pengeluar teknologi. Sebaliknya, jika kerusakan berlaku akibat salah guna, kejahilan atau kecuaiannya pengendali, maka liabiliti ganti rugi dipikul oleh pengguna atau institusi yang mengendalikan AI. Pembahagian ini menunjukkan bahawa fiqh *al-damān* bersifat fleksibel dan kontekstual, namun tetap berasaskan prinsip keadilan dan pencegahan kezaliman.

Dari sudut etika, perbahasan *al-damān* dalam semua makalah ini lebih bersifat implisit dan tidak dibangunkan sebagai teori etika yang berdiri sendiri. Namun demikian, penekanan terhadap keadilan, perlindungan mangsa, dan larangan mengabaikan hak pihak yang terkesan menunjukkan bahawa dimensi etika hadir sebagai panduan di sebalik perbincangan hukum. Makalah No. 26 dan 32, khususnya, mengisyaratkan bahawa pampasan material semata-mata mungkin tidak memadai untuk menebus kerugian yang bersifat moral dan sosial, seperti pencemaran maruah, pelanggaran privasi dan ketidakadilan struktur akibat algoritma. Hal ini menunjukkan keperluan untuk memperluas wacana *al-damān* agar tidak terhad kepada ganti rugi kewangan, tetapi turut mengambil kira nilai kemanusiaan dan maqāsid al-sharī'ah.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap tujuh makalah menunjukkan bahawa prinsip *al-damān* berfungsi sebagai mekanisme teras dalam fiqh Islam bagi mengawal kemudaratan dan menentukan liabiliti apabila teknologi kecerdasan buatan digunakan. Dalam kerangka ini, aspek etika melengkapkan perbahasan *al-damān* dengan memastikan pertanggungjawaban tidak terhad kepada dimensi perundangan semata-mata. Dapatan ini sekali gus mengukuhkan dimensi implikasi dan pampasan dalam kerangka lima kriteria fiqh AI yang dibangunkan sebelum ini, khususnya dalam menjawab persoalan tentang bentuk dan tahap pertanggungjawaban apabila kemudaratan berlaku dalam interaksi manusia-teknologi.

4.4 Analisis Makalah berkaitan *al-tashabbuh*

Analisis kandungan terhadap 33 makalah mendapati tujuh makalah yang membahaskan isu *al-tashabbuh*, khususnya berkaitan penciptaan alat atau

robot yang menyerupai manusia atau mana-mana makhluk bernyawa ciptaan Allah. Secara umumnya, semua penulis mengiktiraf bahawa larangan *al-tashabbuh* mempunyai asas yang kuat kerana ia boleh mengaburkan identiti, mencetuskan kekeliruan atau menimbulkan unsur penipuan seperti yang dibincangkan dalam kerangka konsep sebelum ini. Perincian hujah dan tahap ketegasan pandangan para penulis makalah boleh dibahagikan kepada tiga kategori sebagaimana diringkaskan dalam jadual 6 berikut.

Jadual 6. Ringkasan Makalah berkaitan *al-tashabbuh*

Bil	No. Makalah	Kategori Pandangan	Aspek Hukum	Aspek Etika
1	10	Tegas	Larangan penyerupaan manusia secara hampir sempurna (humanoid); <i>sadd al-dharā'i'</i>	Pemeliharaan maruah insan & identiti kemanusiaan (Eksplisit)
2	8	Tegas	Tashabbuh sebagai ancaman akidah dan fitrah; penutupan ruang penggunaan humanoid	Amaran etika terhadap pengaburan sempadan insan dan mesin (Eksplisit)
3	21	Sederhana	Keharusan bersyarat berdasarkan masalah dan kawalan Syariah	Tanggungjawab moral kawalan teknologi (Implisit)
4	23	Sederhana	Harus jika tidak bercanggah Syariah dan tiada niat penyerupaan	Keseimbangan manfaat dan risiko sosial (Implisit)
5	25	Lentur / Fleksibel	Keharusan luas selagi tiada niat menyerupai ciptaan Allah	Etika niat dan tujuan penggunaan (Implisit)
6	14	Lentur / Fleksibel	Keharusan atas dasar <i>darūrah</i> (perubatan, industri kritikal)	Keutamaan nyawa dan maslahat awam (Eksplisit)
7	12	Lentur / Fleksibel	Fokus manfaat AI/robot dalam dakwah dan pendidikan	Etika manfaat, keberkesanan dan kemaslahatan (Eksplisit)

Jadual 6 menunjukkan bahawa semua penulis mengiktiraf kewujudan larangan *al-tashabbuh* terhadap penyerupaan manusia atau makhluk bernyawa oleh teknologi AI dan robot humanoid. Namun, analisis memperlihatkan dua pendekatan utama dalam penerapan larangan tersebut, iaitu pendekatan penolakan tegas secara hampir mutlak dan pendekatan bersyarat yang lebih kontekstual, bergantung kepada tujuan, tahap peniruan serta implikasi penggunaannya.

Makalah No. 10 dan No. 8 mengambil pendirian tegas dengan menolak penciptaan dan penggunaan robot humanoid yang menyerupai manusia secara hampir sempurna. Dalam kerangka ini, penyerupaan bentuk dan sifat manusia ditafsirkan sebagai *tashabbuh bi khalqillāh* yang berpotensi menimbulkan kekeliruan akidah serta mengaburkan sempadan ontologi antara insan dan mesin. Oleh itu, hukum dibina atas prinsip *sadd al-dharā'i'*, iaitu menutup ruang yang boleh membawa kepada implikasi negatif terhadap kejelasan identiti kemanusiaan, meskipun terdapat manfaat teknikal yang dikemukakan.

Sebaliknya, makalah No. 21 dan No. 23 memperlihatkan pendekatan hukum yang lebih sederhana, bersyarat dan kontekstual. *Al-tashabbuh* tidak dinilai secara mutlak berdasarkan rupa atau penyerupaan teknikal semata-mata, sebaliknya ditimbang berdasarkan tahap peniruan, niat serta kesan penggunaannya terhadap akidah dan masyarakat. Dalam kerangka ini, robot yang bersifat mekanikal tanpa penyerupaan penuh terhadap manusia dihukum harus, manakala reka bentuk yang meniru manusia secara lengkap pada asalnya dilarang. Namun, larangan ini boleh dikecualikan dalam keadaan darurat atau keperluan mendesak, berasaskan kaedah fiqh iaitu "*al-darūrat tubīh al-mahzūrāt*" (darurat mengharuskan perkara terlarang) dan "*al-hājah tunazzal manzilat al-darūrah*" (kadang-kala hajat mendesak diiktiraf sebagai darurat). Justeru, penggunaan robot humanoid dibenarkan secara terhad dalam bidang berisiko tinggi seperti perubatan, keselamatan dan ketenteraan, selagi berada di bawah kawalan Syariah dan tidak membawa kepada pengagungan ciptaan atau penyimpangan akidah.

Manakala makalah No. 25, No. 14 dan No. 12 menampilkan pendekatan hukum yang lebih fungsional dan berorientasikan tujuan. Dalam kerangka ini, robot humanoid dan simulasi digital dinilai sebagai alat teknologi tanpa roh dan kesedaran, justeru tidak termasuk dalam larangan *taṣwīr* secara mutlak sebagaimana patung yang menyerupai makhluk bernyawa secara penuh. Keharusan diperluas berdasarkan pertimbangan maqāṣid al-sharī'ah, khususnya pemeliharaan nyawa, keselamatan awam, pendidikan dan dakwah, dengan syarat penggunaannya tidak membawa kepada pengagungan ciptaan atau pengaburan akidah. Pendekatan ini menunjukkan keanjalan fiqh dalam menangani realiti teknologi kontemporari, di mana penilaian hukum tidak hanya tertumpu pada bentuk luaran, tetapi turut mempertimbangkan fungsi, niat dan kesan sosial teknologi.

Dari sudut etika, semua makalah bersepakat bahawa *al-tashabbuh* dalam konteks AI dan robot humanoid mempunyai implikasi moral yang signifikan, khususnya apabila melibatkan penyerupaan manusia atau makhluk bernyawa. Sebahagian penulis mengambil pendekatan yang lebih tegas dengan

mengharamkan penyerupaan fizikal manusia kerana mengaburkan perbezaan antara ciptaan Allah dan hasil ciptaan manusia. Dalam kerangka ini, peniruan bentuk manusia dilihat bukan sekadar persoalan reka bentuk, tetapi menyentuh kedudukan fitrah dan identiti kemanusiaan. Sebaliknya, sebahagian makalah lain menilai *al-tashabbuh* secara kontekstual. Penyerupaan tidak dihukum berdasarkan rupa semata-mata, tetapi dinilai melalui tahap peniruan, tujuan penggunaan serta implikasi sosialnya. Robot atau simulasi digital yang berfungsi sebagai alat mekanikal tanpa roh dan kesedaran tidak disamakan sepenuhnya dengan larangan *taṣwīr* secara mutlak, khususnya apabila digunakan dalam bidang kritikal seperti perubatan, keselamatan atau pendidikan. Namun demikian, pendekatan ini tetap menetapkan had yang jelas bahawa apabila penyerupaan mencapai tahap hampir menyeluruh sehingga berpotensi menimbulkan kekeliruan identiti atau implikasi terhadap akidah, maka dilarang.

Secara keseluruhannya, perbincangan *al-tashabbuh* bukan sekadar persoalan halal dan haram, tetapi mencerminkan dimensi hukum dan etika seperti yang dibangunkan dalam kerangka fiqh AI sebelum ini. Dalam konteks ini, kriteria *al-tashabbuh* berfungsi sebagai panduan dalam penggunaan AI agar inovasi yang dihasilkan tidak melampaui kedudukan insan sebagai makhluk yang dimuliakan. Justeru, hukum dan etika saling berjalin dalam memastikan AI dan robot humanoid kekal sebagai *wasīlah* yang tertakluk kepada prinsip tauhid, pemeliharaan maruah insan serta pertimbangan maqāṣid al-sharī‘ah.

4.5 Analisis Makalah berkaitan *Taghyīr Khalqillāh*

Terdapat dua makalah yang secara eksplisit membincangkan isu *taghyīr khalqillāh* (mengubah ciptaan Allah) dalam penggunaan AI. Semua makalah ini membincangkan dimensi hukum dan etika yang berkaitan dengan risiko sosial, akidah, dan maruah manusia sebagaimana diringkaskan dalam jadual 7 di bawah.

Jadual 7. Ringkasan Makalah berkaitan *taghyīr khalqillāh*

Bil	No. Makalah	Aspek Hukum	Aspek Etika
1	2	Larangan mengubah ciptaan Allah, khususnya tubuh dan fitrah manusia; penggunaan teknologi yang mengubah struktur asal insan kecuali rawatan pemulihan.	Penekanan pada pemeliharaan fitrah dan maruah insan; kebimbangan terhadap manipulasi manusia atas nama kemajuan.
2	20	Larangan mengubah ciptaan Allah, kerana isu akidah dan memberi kebebasan penuh	Etika disentuh secara implisit melalui isu keadilan, keselamatan dan risiko

kepada manusia. (Implisit)	penyalahgunaan teknologi terhadap manusia.
----------------------------	--

Berdasarkan Jadual 7, dua makalah menegaskan bahawa *taghyir khalqillāh* merupakan suatu larangan asas Syariah kerana ia melibatkan pelanggaran terhadap fitrah kejadian insan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Makalah No. 2 membentangkan perbahasan yang paling komprehensif dengan meneliti pelbagai aplikasi teknologi moden seperti kejuruteraan genetik, pengubahsuaian DNA, bioteknologi, nanoteknologi, bioprinting dan transhumanisme. Makalah ini menegaskan bahawa usaha membentuk manusia dengan keupayaan luar biasa, mengubah struktur tubuh, atau menggantikan organ manusia dengan ciptaan buatan bukan sekadar isu teknikal, tetapi membawa persoalan terhadap batas perubahan struktur kejadian manusia.

Dari sudut hukum, tindakan tersebut ditafsirkan sebagai pelanggaran jelas terhadap larangan mengubah ciptaan Allah, manakala dari sudut etika, ia menimbulkan kebimbangan terhadap kemerosotan maruah insan serta potensi berlakunya ketidakseimbangan sosial. Manakala makalah No. 20 hanya menyentuh isu *taghyir khalqillāh* secara lebih ringkas dan tidak sistematik. Penulis mengemukakan contoh eksperimen syarikat teknologi yang menanam cip dalam otak manusia bagi tujuan kawalan pemikiran dan ideologi. Walaupun perbincangan ini tidak dihuraikan secara panjang, penulis tetap menegaskan bahawa perbuatan tersebut tergolong dalam perubahan ciptaan Allah yang dilarang, khususnya apabila ia menjejaskan kebebasan manusia, keupayaan membuat keputusan moral, dan keseimbangan akidah. Dengan itu, larangan dalam makalah ini hadir dalam bentuk implisit tetapi jelas dari segi prinsip hukum.

Dari sudut etika, *taghyir khalqillāh* menuntut kesedaran bahawa penggunaan teknologi AI dan bioteknologi bukan sahaja menghasilkan implikasi hukum, tetapi juga membawa kesan moral dan sosial yang mendalam. Makalah No. 2, misalnya, menimbulkan kebimbangan tentang kemungkinan tercetusnya jurang sosial akibat pengubahsuaian genetik yang melahirkan kelompok manusia berkeupayaan luar biasa, sekali gus mencabar prinsip keadilan dan kesamarataan. Makalah No. 20 pula menekankan risiko manipulasi kebebasan pemikiran melalui implantasi otak yang boleh membuka ruang kepada kawalan ideologi, eksploitasi manusia dan penafian kebebasan moral. Selain itu, perbahasan ini turut menyentuh cabaran etika yang lebih luas seperti pencemaran identiti manusia, eksploitasi tubuh untuk tujuan komersial, serta penggunaan bahan biologi dan kimia yang boleh menjejaskan maruah insan. Kesemua isu ini berkait rapat dengan nilai asas Islam seperti pemeliharaan maruah (*hifz al-ird*), keadilan sosial dan keseimbangan fitrah. Walaupun

teknologi berpotensi membawa masalah, khususnya dalam bidang perubahan dan keselamatan, implikasi etika yang diketengahkan menunjukkan bahawa perbahasan *taghyīr khalqillāh* tidak boleh dinilai dari perspektif hukum semata-mata, sebaliknya memerlukan kawalan moral yang berteraskan maqāṣid al-sharī‘ah.

Secara keseluruhannya, perbahasan *taghyīr khalqillāh* dalam konteks kecerdasan buatan (AI) masih bersifat terhad dan tidak dibincangkan dengan meluas dalam keseluruhan makalah. Perbahasan yang lebih dominan tertumpu kepada larangan mencipta robot atau AI dalam bentuk makhluk bernyawa, yang sering dikaitkan dengan hadis-hadis larangan *taṣwīr*.

5. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sorotan naratif menunjukkan bahawa wacana Fiqh kontemporari dalam Seminar ke-26 Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī menolak pengiktirafan AI sebagai subjek taklif kerana ketiadaan *al-ahliyyah*, sekali gus meletakkan *al-mas‘ūliyyah* dan *al-ḍamān* secara tegas pada manusia dan institusi mengikut tahap kawalan dan keterlibatan (*mubāshir–musabbib*). Pada masa yang sama, perbahasan mengenai *al-tashabbuh* dan *taghyīr khalqillāh* berfungsi sebagai sempadan bagi memelihara tauhid, fitrah dan maruah insan, manakala dimensi etika hadir kebanyakannya secara tidak langsung melalui kerangka maqāṣid al-sharī‘ah sebagai mekanisme kawalan nilai dan tadbir urus. Dapatan ini menegaskan bahawa fiqh AI semasa berkembang melalui penyesuaian instrumen fiqh sedia ada. Namun wujud pandangan minoriti yang lebih terbuka dan cuba menyesuaikan diri secara berhati-hati dengan realiti teknologi baharu dalam kerangka syariah, keadilan dan pemeliharaan martabat manusia.

Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini memberi implikasi langsung kepada institusi fatwa, pembuat dasar dan industri teknologi di negara Islam. Kerangka fiqh AI yang dicadangkan bukan sahaja membantu menjelaskan sempadan hukum penggunaan AI, tetapi juga menyediakan asas etika untuk menilai kesan teknologi terhadap maruah manusia, keadilan sosial dan keseimbangan fitrah. Penekanan bahawa liabiliti dan tanggungjawab tidak boleh dipindahkan kepada mesin memperkukuh keperluan tadbir urus AI yang berteraskan prinsip syariah, khususnya dalam sektor sensitif seperti kesihatan, kewangan Islam, pendidikan dan dakwah digital.

Pada masa yang sama, kajian ini membuka ruang penyelidikan lanjutan yang bersifat empirikal dan antara disiplin. Kajian masa hadapan wajar menilai bagaimana prinsip fiqh AI ini diaplikasikan dalam amalan sebenar oleh institusi fatwa, badan pengawalseliaan dan industri teknologi, serta sejauh

mana ia selari dengan kerangka undang-undang sivil dan etika AI global. Penyelidikan perbandingan antara negara Islam, serta kajian kualitatif melibatkan sarjana syariah, pakar teknologi dan pembuat dasar, sangat penting bagi membangunkan fiqh AI yang bukan sahaja sah dari sudut hukum, tetapi juga berdaya guna, beretika dan relevan dalam realiti teknologi kontemporari.

6. PENGHARGAAN

Penulis boleh menambah pengakuan sekiranya ingin merakamkan penghargaan atas sokongan penaja dengan No Projek, individu atau organisasi/institusi tertentu.

7. RUJUKAN

- Abdulrahman, M. M., & Walusimbi, A. H. M. (2024). Examining the role of artificial intelligence (GPT-3.5) in issuing fatwas for Islamic family cases: A comparative analysis. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 9(2), 30–38.
- Abdelnour, M. G. (2025). Artificial intelligence and the Islamic theology of technology: From “means” to “meanings” and from “minds” to “hearts”. *Religions* 16(6): 796. <https://doi.org/10.3390/rel16060796>
- Abd al-Rahīm, M. ‘A. (2022). Al-dhakā’ al-iṣṭinā’ī wa-atharuhu fī al-ḍamān fī al-fiqh al-islāmī: Dirāsah fiqhīyah muqāranah. *Majallat al-Dirāsāt al-Qānūniyyah*, 55(1), 1-99.
- Barkani, O. N., & Boukhalfi, A. (2024). *Al-qawā’id al-shar’iyyah al-dābiṭah li al-dhakā’ al-ṣinā’ī* [The rules of Sharia regulating artificial intelligence]. *Majallat al-Rāyah*, 14(3), 52–72.
- Al-Burnū, M. Ṣ. A. M. (2003). *Maṡsū’at al-qawā’id al-fiqhīyah* (Jil. 1–12). Beirut: Mu’assasat al-Risālah.
- Chin, A. H. B., Roslan, R., Alsomali, N., Al-Balas, Q., Salhab, B. B. S., & Muhsin, S. M. M. (2025). Islamic bioethics viewpoint on elective brain chip implants and brain–computer interfaces for enhancing academic performance in competitive examinations. *Asian Bioethics Review*, 18, 79–92. <https://doi.org/10.1007/s41649-024-00333-1>
- Elmahjub, E. (2023). Artificial intelligence (AI) in Islamic ethics: Towards pluralist ethical benchmarking for AI. *Philosophy & Technology*, 36: 37. <https://doi.org/10.1007/s13347-023-00668-x>
- Ferrari, R. (2015). Writing narrative style literature reviews. *Medical Writing*, 24(4), 230–235. <https://doi.org/10.1179/2047480615Z.000000000329>
- Greenhalgh, T., Thorne, S., & Malterud, K. (2018). Time to challenge the spurious hierarchy of systematic over narrative reviews? *European Journal of Clinical Investigation*, 48(6), e12931. <https://doi.org/10.1111/eci.12931>
- Guo, J. & Wang, D. (2025). Deepfake: Understanding the Technology Background, Content Differences from Traditional Forgery, and Impact on Public Trust. *Advances in Economics, Management and Political Sciences*, 213(1), 265–273. <https://doi.org/10.54254/2754-1169/2024.26901>
- Al-Hajery, F. M. (2024). The Sharia responsibility of artificial intelligence users: A jurisprudential study. *Journal of Sharia and Islamic Studies*, 39: 9–82.
- Hakim, L., & Azizi, M. R. (2023). Otoritas fatwa keagamaan dalam konteks era kecerdasan buatan (Artificial Intelligence/AI). *Jurnal Ilmiah Ar-Risalah: Media Ke-Islaman, Pendidikan dan Hukum Islam*, 21(2), 164–174.
- Hamsin, M. K., Anggriawan, R. & Jiatahman, F. (2023). Unveiling ethical implications: AI robot accountability in Islamic context. *Jurnal Media Hukum*, 30(2): 117–135. <https://doi.org/10.18196/jmh.v30i2.18524>

- Joseph, J. (2025). The algorithmic self: how AI is reshaping human identity, introspection, and agency. *Frontiers in Psychology*, 16:1645795. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2025.1645795>
- Kosasih, E., Islamy, M. R. F. & Wiwaha, R. S. (2024). Artificial intelligence in the era of Society 5.0: Compromising technological innovation through the Wasathiyah approach within the framework of Islamic law. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, 9(2): 551–572. <https://doi.org/10.29240/jhi.v9i2.9596>
- Al-Kubaisi, A. A. S. H. (2024). Ethics of artificial intelligence: A purposeful and foundational study in light of the Sunnah of Prophet Muhammad. *Religions* 15(11): 1300. <https://doi.org/10.3390/rel15111300>
- Mahamood, S. F., Fikry, A., Hamzah, M. I., Khalid, M. M., Rosyad, A. M. & Bhari, A. 2023. Fiqh robotic for artificial intelligent in humanoids used for therapy, services and other social activities: An integration of AI and Maqasid Shariah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2): 1–13. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.527>
- Al-Hamyani, M. b. M. b. B. (2019). Ta'rif al-mas'ūliyyah fī al-fiqh al-islāmī wa al-nizām al-su'ūdī. *Majallat al-Dirāsāt al-'Arabiyyah*, 39(3): 1563-1590. <https://doi.org/10.21608/dram.2019.183034>
- Munshi, A. A., Al-Sabban, W. H., Farag, A. T., Rakha, O. E., Al Sallab, A., & Alotaibi, M. (2022). Automated Islamic jurisprudential legal opinions generation using artificial intelligence. *Pertanika Journal of Science & Technology*, 30(2), 1135–1156. <https://doi.org/10.47836/pjst.30.2.16>
- Al-Momani, I. (2025). Ethical challenges for using artificial intelligence in understanding Islamic jurisprudence. *Salud, Ciencia y Tecnología – Serie de Conferencias*, 4, 1519. <https://doi.org/10.56294/sctconf20251519>
- Najib, N. M., Basarud-din, S. K., & Fazial, F. (2025). Artificial Intelligence (AI) In Islamic Finance: A Maqasid Al-Shariah Perspective. *Int. J. Law, Gov. Commun*, 10(40), 41-50.
- Nawi, A., Khamis, N. Y., Yaakob, M. F. M., Samuri, M. A. A. & Zakaria, G. A. N. (2023). Exploring opportunities and risks of artificial intelligence research for Islamic ethical guidelines. *Afkar*, 25(2): 1–34. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no2.1>
- Salqīnī, Ibrahim Muhammad. (1996). *al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Sitiris, M. & Busari, S. A. (2024). The legal capacity (al-ahliyyah) of artificial intelligence from an Islamic jurisprudential perspective. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(1): 31–42. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no1.453>
- Sūriyyah Sharfāwī. (2018). *Al-Mas'ūliyyah Wa Aḥkāmuhā Min Khilāl al-Kitāb Wa al-Sunnah*. Atruhah Muqaddamah Li Nayl al-Dukturah Fī al-'Ulum al-Islāmiyyah. Jāmi'ah al-Hajj Likhidir Batinah, al-Jaza'ir.

- al-Tayyār, ‘Abdullah bin Muhammad, al-Mutlaq, ‘Abdullah bin Muhammad & al-Mūsā, Muhammad bin Ibrāhīm. (2012). *Al-Fiqh al-Muyassar*. Al-Riyad: Madār al-Watan Li al-Nashr.
- Uthman, Ahmad Khairi Mahmud. (2025). Artificial Intelligence from the Perspective of Islamic Jurisprudence. *Journal of the Faculty of Sharia and Law, Tefhana Al-Ashraf, Al-Azhar University*, 30: 473–518.
- Yunos, A. S., Wan Saifuddin, W. M. S., & Hamdan, M. N. (2024). The concept of al-’ahliyyah and takyīf fihiyy for autonomous mobile robots according to Shariah. *al-Qanatir*, 33(7), 14–32. <https://www.al-qanatir.com/aq/article/view/1035>
- Yunos, A. S., Wan Saifuddin, W. M. S., Hamdan, M. N. ., & Baharudin, M. H. . (2025). Tanggungjawab Perubatan dalam Pembedahan yang dibantu Robot Menurut Perspektif Etika Islam dan Fiqh: (Medical Responsibility in Robot-Assisted Surgery from Islamic Ethical and Fiqh Perspectives). *Jurnal Fiqh*, 22(1), 73–107. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol22no1.3>
- Al-Zuhaylī, M. M. (2006). *Al-Wajīz fī uṣūl al-fiqh al-islāmī* (2nd ed., 2 vols.). Damascus, Syria: Dār al-Khayr li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.